

22/01/2004

Mohamed lepas jawatan secara sukarela

KUALA LUMPUR: Bekas Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, beliau melepaskan jawatan itu Khamis lalu secara sukarela kerana mahu bersara terus dari politik selepas 40 tahun menceburinya.

Katanya, keputusan itu juga dibuat bagi membolehkan tradisi dirintis bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1993, yang melantik Setiausaha Agung Umno sebagai Setiausaha Agung BN, diteruskan.

Mohamed yang kini menumpukan sepenuh perhatian kepada keluarga telah menyuarkan hasratnya untuk bersara kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Ogos tahun lalu.

"Sebenarnya saya telah berjumpa Pak Lah di Putrajaya dua bulan sebelum beliau menjadi Perdana Menteri.

"Pada 24 Disember lalu, saya sekali lagi berjumpa beliau berbincang mengenainya dan beliau menghormati keputusan saya serta bersetuju menerimanya.

"Akhirnya keputusan saya untuk bersara diumumkan sendiri Perdana Menteri selaku Pengerusi BN selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN 15 Januari lalu," katanya semalam.

Ini adalah kali pertama Mohamed, 66, membuat kenyataan kepada media mengenai persaraannya itu, selepas Abdullah mengumumkan perkara berkenaan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Khamis lalu.